# BERITA PORTAL

## PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

# 2016

www.mod.gov.my

## ISI KANDUNGAN :


| | | |
|---|---|---|
| 1. | Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kraftangan Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) ATM 2016<br>*Prize Giving Ceremony For The 2016 MAF Army Charity Handicraft Competition (BAKAT)* | 4 |
| 2. | Mengiringi Perdana Menteri Sempena Lawatan Kerja Rasmi Ke China<br>*Accompanying The Prime Minister In Conjuction With The Official Working Visit To China* | 6 |
| 3. | Pelancaran Larian Mesra Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) 2016<br>*Friendly National Volunteering Service Brigade Run (BSKN) 2016 Launch* | 8 |
| 4. | Persidangan Non-Conventional Threat (NCT) Asia 2016<br>*The Asia Non-Conventional Threat (NCT) 2016 Conference* | 10 |
| 5. | Meeting 44th FPDA Consultative Council (FCC)<br>*44th FPDA Consultative Council (FCC) Meeting* | 12 |
| 6. | Majlis Ramah Mesra Ketua Setiausaha Kementerian Pertahananan Bersama Warga STRIDE<br>*The Ministry Of Defence's Secretary General Greeting Session With STRIDE Personnel* | 14 |
| 7. | Wawancara Selamat Pagi Malaysia Sempena Istiadat Perbarisan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV<br>*Selamat Pagi Malaysia Talk Show In Conjunction With The His Majesty 14th Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ceremonial Parade* | 15 |
| 8. | Wawancara Selamat Pagi Malaysia Sempena Seminar Wasatiyyah ASEAN 2016<br>*Selamat Pagi Malaysia Talk Show In Conjunction With The 2016 Wasatiyyah ASEAN Seminar* | 16 |
| 9. | Majlis Pengiktirafan Persada Inovasi Perkhidmatan Awam<br>*Persada Civil Service Innovation Recognition Ceremony* | 18 |
| 10. | Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-Jepun<br>*ASEAN-Japan Defence Ministers Meeting* | 19 |
| 11. | Majlis Santapan Beradat Menjunjung Kasih Sempena Tamat Tempoh Pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV<br>*Santapan Beradat Menjunjung Kasih Ceremony In Conjunction With His Majesty Yang Di-Pertuan Agong's End Of Term* | 21 |

12. Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia 23
*The Malaysian Service Medal (PJM) Award Ceremony*

13. Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia 25
*The Malaysian Service Medal (PJM) Award Ceremony*

14. Warriors Challenge 2016 27
*2016 Warriors Challenge*

15. Lawatan Kerja Timbalan Menteri Ke Vietnam 29
*Minister's Working Visit To Vietnam*

16. Majlis Penghargaan Sanjung Kasih 30
*Sanjung Kasih Appreciation Ceremony*

17. Perbarisan Penghargaan Panglima Angkatan Tentera Ke-18 32
*Appreciation Parade For The 18th Chief Of Defence Force*

18. Perbarisan Tahunan Dan Penyampaian Hadiah Putera 34
*Annual Parade And Putera Prize Giving Ceremony*

19. Lawatan KSN Ke Pusat Pemulihan Pemasyarakatan Kem Mahkota 35
*Chief Secretary's Visit To Camp Mahkota Community Rehabilitation Programme*

20. Majlis Perasmian Bangunan MIDAS 37
*MIDAS Building Launch*

21. Menteri Pertahanan Melawat Mangsa Nahas Pesawat 39
*Defence Minister Visits Plane Crash Victims*

22. Pra Retreat Hala Tuju MinDef 2017 41
*Pra Retreat Hala Tuju MinDef 2017*

23. Perasmian Pusat Khidmat Pelanggan Masjid Khalid Al-Walid 43
*The Launching Of Khalid Al-Walid Mosque Customer Service Centre*

# MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KRAFTANGAN BADAN KEBAJIKAN KELUARGA ANGKATAN TENTERA (BAKAT) ATM 2016




KUALA LUMPUR, 2 NOV - Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah binti Haji Hamidun telah merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kraftangan Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) ATM 2016 bertempat di Wisma Perwira ATM.

Baginda berkenan mencemar duli bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah dan melawat gerai pameran kraftangan sempena Pertandingan Kraftangan Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) ATM 2016.

Turut serta ialah pegawai kanan awam dan tentera Kementerian Pertahanan.

****************************************************************************************************

# PRIZE GIVING CEREMONY FOR THE 2016 MAF ARMY CHARITY HANDICRAFT COMPETITION (BAKAT)

Kuala Lumpur, 2 November 2016 – Her Majestry Seri Paduka Baginda the Raja Permasuri Agong, Tuanku Hajah Haminah binti Haji Hamidun officiated the 2016 MAF Army Charity Handicraft Competition (BAKAT) Prize Giving Ceremony at Wisma Perwira ATM.

Her Majesty attended the Prize Giving Ceremony and visited the handicraft booths in conjunction with the Army Charity Handicraft Competition (BAKAT) MAF 2016.

Also present were senior civil officers and the army from the Ministry of Defence.

# MENGIRINGI PERDANA MENTERI SEMPENA LAWATAN KERJA RASMI KE CHINA




BEIJING, 4 NOV – Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein berkesempatan bertemu Premier Li Keqiang di Beijing sempena Lawatan Rasmi Kerja ke China. Lawatan rasmi ini merupakan lawatan yang amat berjaya dan bersejarah sekaligus menyumbang kepada pengukuhan terhadap hubungan Malaysia-China selain menyaksikan pemeteraian pembelian 4 kapal Littoral Mission Ships (LMS) dari kerajaan China.

Turut serta ialah pegawai kanan awam Kementerian Pertahanan.

****************************************************************************************************************

# ACCOMPANYING THE PRIME MINISTER IN CONJUCTION WITH THE OFFICIAL WORKING VISIT TO CHINA

Beijing, 4 November 2016 – Defence Minister, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein had the opportunity to visit Premire Li Keqiang in Beijing, in conjunction with the Official Working Visit to China. The official visit was a historic success, and directly strengthened relations between Malaysia-China, as well as sealed the acquisition of 4 Littoral Mission Ships (LMS) from the Chinese government.

Also present were senior officials from the Ministry of Defence.

# PELANCARAN LARIAN MESRA BRIGED SUKARELAWAN KHIDMAT NEGARA (BSKN) 2016




KUALA LUMPUR, 5 NOV - Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim Bin Mohamad Radzi telah merasmikan Larian Mesra Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) 2016 bertempat di Padang Bola Bangunan Zetro JLKN, Kuala Lumpur.

Selain menerapkan budaya hidup sihat dan meningkatkan tahap kecergasan di kalangan warga JLKN dan BSKN, program ini bertujuan untuk menjejak kembali bekas- bekas pelatih PLKN di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Turut serta ialah ahli BSKN, pegawai kanan awam dan tentera Kementerian Pertahanan.

**************************************************************************************************************

# FRIENDLY NATIONAL VOLUNTEERING SERVICE BRIGADE RUN (BSKN) 2016 LAUNCH

Kuala Lumpur, 5 November 2016 – Secretary General of the Ministry of Defence, Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi launched the Friendly National Volunteering Service Brigade Run (BSKN) 2016 at the Zetro Building Football Field JLKN, Kuala Lumpur.

Apart from encouraging a healthy lifestyle and enhancing fitness levels among the JLKN and BSKN members, the programme is also focused on reconnecting with former PLKN trainers in the Kuala Lumpur and Selangor region.

Also present were the MSKN members, senior civil officers and army from the Ministry of Defence.

# PERSIDANGAN NON-CONVENTIONAL THREAT (NCT) ASIA 2016



KUALA LUMPUR, 9 NOVEMBER 2016 - Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi telah merasmikan Persidangan Non-Conventional Threat (NCT) Asia 2016 bertempat di Hotel Le Meredian, Kuala Lumpur.

Selain itu, terdapat pembentangan daripada pakar-pakar antarabangsa dalam bidang CBRN, Explosive Ordnance Disposal (EOD), Counter-Improvised Explosive Device (C-IED) dan demining dari Asia Tenggara, Amerika Syarikat, Timur Tengah dan Eropah.

Turut serta ialah pegawai kanan awam Kementerian Pertahanan.

**********************************************************************************************************

# THE ASIA NON-CONVENTIONAL THREAT (NCT) 2016 CONFERENCE

Kuala Lumpur, 9 November 2016 – Secretary General of the Ministry of Defence, Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi launched the Asia Non-Conventional Threat (NCT) 2016 at Le Meridian Hotel, Kuala Lumpur.

Additionally, a presentation from international experts in the field of CBRN, Explosive Ordinance Disposal (EOD), Counter-Improvised Explosive Device (C-IED) and demining from South East Asia, the United States, the Middle East and Europe was also done.

Also present were senior officers from the Ministry of Defence.

# MEETING 44TH FPDA CONSULTATIVE COUNCIL (FCC)



SINGAPURA, 12 NOV – Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi mempengerusikan Mesyuarat 44th FPDA (Five Power Defence Arrangements) Consultative Council (FCC) bersama rakan sejawatnya, Setiausaha Tetap Pertahanan Singapura, TYT Chan Yeng Kit yang telah diadakan di Hotel Four Seasons, Singapura.

Mesyuarat turut dihadiri tiga ahli FPDA yang lain iaitu Australia, New Zealand dan United Kingdom yang diwakili pesuruhjaya tinggi masing-masing. Mesyuarat berjadual ini membincangkan berkenaan aktiviti pertahanan FPDA yang merupakan salah satu daripada prinsip dasar pertahanan Negara.

Turut serta ialah pegawai tinggi tentera dan pegawai kanan awam Kementerian Pertahanan Malaysia dan delegasi dari Australia, New Zealand dan United Kingdom.

****************************************************************************************************************

# 44TH FPDA CONSULTATIVE COUNCIL (FCC) MEETING

Singapore, 12 November 2016 – Secretary General of the Ministry of Defence, Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi chaired the 44th FDPA (Five Power Defence Arrangements) Consultative Council (FCC) with his counterpart, Permanent Secretary (Defence) of Singapore, Chan Yeng Kit, at the Four Seasons Hotel, Singapore.

The meeting was also attended by three other FPDA members, which are Australia, New Zealand and the United Kingdom, which was represented by their respective high commissioners. The scheduled meeting discussed on issues regarding FPDA's defence activities, which are one of the principles of the nation's defence.

Also present were senior army officers from the Malaysian Ministry of Defence and delegations from Australia, New Zealand and the United Kingdom.

## MAJLIS RAMAH MESRA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANANAN BERSAMA WARGA STRIDE



KAJANG, 13 NOV – Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi menyertai warga Stride memeriahkan Majlis Ramah Mesra Ketua Setiausaha Kementerian Pertahananan yang berlangsung di Dewan Badminton STRIDE, Kajang.

Turut serta ialah pegawai kanan awam dan tentera Kementerian Pertahanan.

*************************************************************************************************************

## THE MINISTRY OF DEFENCE'S SECRETARY GENERAL GREETING SESSION WITH STRIDE PERSONNEL

Kajang, 13 November 2016 – Secretary General of the Ministry of Defence, Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi joined STRIDE personnel to enliven the Secretary General Greeting Ceremony that took place at STRIDE Badminton Hall, Kajang.

Also present were senior civil officers and army from the Ministry of Defence.

# WAWANCARA SELAMAT PAGI MALAYSIA SEMPENA ISTIADAT PERBARISAN MENJUNJUNG KASIH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV



KUALA LUMPUR, 13 NOV - Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota, Markas Angkatan Tentera Malaysia (MATM), Mejar Jeneral Datuk Mohd Zakaria Yadi telah menghadiri wawancara Selamat Pagi Malaysia di TV1 sempena Istiadat Perbarisan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV bertempat di Angkasapuri, Kuala Lumpur.

Turut serta ialah pegawai tinggi tentera, pegawai kanan awam dan tentera Kementerian Pertahanan.

************************************************************************************************************

# SELAMAT PAGI MALAYSIA TALK SHOW IN CONJUNCTION WITH THE HIS MAJESTY 14TH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG CEREMONIAL PARADE

Kuala Lumpur, 13 November 2016 – MAF Headquarters (HQ) Assistant Chief of Staff (MATM), Major General Datuk Mohd Zakaria Yadi attended the Selamat Pagi Malaysia talk show at TV1 in conjunction with the 14th Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Menjunjung Kasih Ceremonial Parade at Angkasapuri, Kuala Lumpur.

Also present were top army officers, senior civil and army officers from the Ministry of Defence.

# WAWANCARA SELAMAT PAGI MALAYSIA SEMPENA SEMINAR WASATIYYAH ASEAN 2016




KUALA LUMPUR, 15 NOV - Brig Jeneral Dato' Hj Nawawi bin Hj Daud, Timbalan Ketua Pengarah Operasi; Pembangunan Insan, Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), Markas ATM dan Encik Mohamad Fadzil bin Omar Baki, Timbalan Pengarah (Program dan Komunikasi), Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) telah menghadiri wawancara Selamat Pagi Malaysia sempena Seminar Wasatiyyah ASEAN 2016 bertempat di Angkasapuri, Kuala Lumpur.

Seminar ini akan diadakan pada 22 hingga 24 November 2016, Selasa hingga Khamis bertempat di Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur, bertemakan ‘Unity Of Ummah - Countering The Threat Of Militancy Extremism/Terrorism’.

Seminar ini bertujuan meningkatkan kerjasama serta mencari satu resolusi bersama khususnya dengan negara-negara Asean dalam isu-isu yang melibatkan Ekstremisme di samping menunjukkan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang mengamalkan konsep dan pendekatan Wasatiyyah.

Turut serta ialah pegawai tinggi tentera, pegawai kanan awam dan tentera Kementerian Pertahanan.

****************************************************************************************************

# SELAMAT PAGI MALAYSIA TALK SHOW IN CONJUNCTION WITH THE 2016 WASATIYYAH ASEAN SEMINAR

Kuala Lumpur, 15 November 2016 – Brig General Dato' Hj Nawawi bin Hj Daud, Deputy Head Operating Director, Malaysian Armed Forces Religious Corps (KAGAT).

MAF Headquarters (HQ) and Encik Mohamad Fadzil bin Omar Baki, Deputy Director (Programmes and Communication), Malaysian Wasatiyyah Institute (IWM) attended the Selamat Pagi Malaysia talk show in conjunction with the 2016 Wasatiyyah Asean Seminar at Angkasapuri, Kuala Lumpur.

The seminar will be held from 22nd to 24th November 2016, Tuesday to Thursday at Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur, themed 'Unity of Ummah – Countering The Threat of Militancy Extremism/Terrorrism'.

The seminar is aimed to enhance relations and cooperation, as well as coming to a resolution especially with ASEAN nations on issues regarding extremism, and proving that Malaysia is an Islamic country that practices Wasatiyyah values. Also present were senior army officers, senior civil officers and army from the Ministry of Defence.

# MAJLIS PENGIKTIRAFAN PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM




MELAKA, 15 NOV - Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi telah merasmikan Majlis Pengiktirafan Persada Inovasi Perkhidmatan Awam bertempat di MITC Melaka.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertahanan, Dato' Hjh Junaidah Kamarrudin; Ketua Pengarah JLKN, Dato' Mohmed Asri Yusof; dan pegawai kanan awam Kementerian Pertahanan.

*******************************************************************************************************

# PERSADA CIVIL SERVICE INNOVATION RECOGNITION CEREMONY

Melaka, 15 November 2016 – Secretary General for the Ministry of Defence, Dato’ Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi officiated the Persada Civil Service Innovation Recognition Ceremony at MITC Melaka.

Also present was Deputy Secretary General (Policy) for the Ministry of Defence, Dato’ Hjh Junaidah Kamarrudin, Director of JLKN, Dato’ Mohmed Asri Yusof and civil senior officers of the Ministry of Defence.

# MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERTAHANAN ASEAN-JEPUN



VIENTIANE, 16 NOV – Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-Jepun, bertempat di Vientiane, Lao PDR.

Mesyuarat yang telah berlangsung selama dua hari bermula dari 16 November sehingga 17 November 2016 ini membincangkan berkenaan hubungan antara negara-negara ASEAN terutama sekali dalam perihal keselamatan dan pertahanan negara.
Menteri Pertahanan Malaysia turut menyatakan bahawa DAESH kekal sebagai ancaman utama pada ketika ini. Malah usaha-usaha yang berterusan dalam memerangi kumpulan pengganas terbabit di Mosul, Aleppo dan Raqa bakal membawa kesan langsung di mana ASEAN dilihat berpotensi untuk dijadikan markas dan sasaran baharu kumpulan ini.

Beliau juga berkesempatan bertemu dengan rakan sejawat beliau dari Myamnar, Filipina, Indonesia dan Jepun dalam mesyuarat berkenaan.

Turut serta ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi; pegawai tinggi tentera dan pegawai kanan awam Kementerian Pertahanan Malaysia.

****************************************************************************************************

## ASEAN-JAPAN DEFENCE MINISTERS MEETING

Vientiane, 16 November 2016 – Defence Minister, Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein attended the Asean-Japan Defence Ministers Meeting at Vientiane, Laos PDR.

The meeting that started on 16th November until 17th November 2016 discussed on issues regarding the relationship between ASEAN nations, specifically in security aspects and national defence.

The Malaysian Defence Minister also stated that DAESH is still considered as a main threat. In fact, ongoing efforts in countering the terrorist group in Mosul, Aleppo and Raqa might have a direct effect, whereby ASEAN will be seen as a potential base of operations and a new target for the group.

During the meeting, he also had the opportunity to meet with his counterparts from Myanmar, Philippines, Indonesia and Japan.

Also present was the Secretary General of the Ministry of Defence, Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, senior officials from the army and senior civil officers from the Ministry of Defence Malaysia.

# MAJLIS SANTAPAN BERADAT MENJUNJUNG KASIH SEMPENA TAMAT TEMPOH PEMERINTAHAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV




KUALA LUMPUR, 18 NOV – Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein mengiringi keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajjah Haminah yang berkenan mencemar duli menyempurnakan Majlis Santapan Beradat Menjunjung Kasih sempena Tamat Tempoh Pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV bertempat di Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur.

Majlis bersejarah ini telah melibatkan jemputan tetamu seramai 500 orang dari perkhidmatan ATM. Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Hj. Zulkifeli bin Mohd Zin serta Panglima-Panglima Perkhidmatan turut mempersembahkan cenderahati sebagai tanda kenangan kepada Seri Paduka Baginda, Yang Di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajjah Haminah.

Turut serta ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd Johari Baharum dan isteri; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Hj. Zulkifeli bin Mohd Zin dan isteri; Panglima-Panglima Perkhidmatan dan isteri; pegawai tinggi tentera dan pegawai kanan awam Kementerian Pertahanan Malaysia.

****************************************************************************************************

# SANTAPAN BERADAT MENJUNJUNG KASIH CEREMONY IN CONJUNCTION WITH HIS MAJESTY YANG DI-PERTUAN AGONG'S END OF TERM

Kuala Lumpur, 18 November 2016 – Defence Minister, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein accompanied the arrival of His Majesty Yang Di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Alhamrhum Sultan Badlishah and Her Majesty Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajjah Haminah who visited and officiated the Santapan Beradat Menjunjung Kasih Ceremony in conjunction with His Majesty Yang Di-Pertuan Agong's end of term at the MAF's Wisma Perwira, Kuala Lumpur.

This historic ceremony consists a total of 500 guests from the services of the MAF. The Chief of Defence Force, General Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Hj. Zulkifeli bin Mohd Zin and Service Chiefs also presented their gifts as a token of appreciation to Seri Paduka Baginda, Yang Di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Alhamrhum Sultan Badlishah and Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajjah Haminah.

Also present was the Deputy Defence Minister, Dato' Sri Mohd Johari Baharum and spouse, Chief of Defence Force, General Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Hj. Zulkifeli bin Mohd Zin and spouse, Service Chiefs and their spouses, top army officers and senior civil officers from the Ministry of Defence.

# MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA



KEDAH, 9 DISEMBER 2016 - Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada 600 orang Veteran ATM kawasan utara telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari Baharum di TH Hotel, Kepala Batas, Alor Setar, Kedah.

Pingat Jasa Malaysia adalah sebuah campaign medal telah dizahirkan melalui statusnya yang bertarikh 3 Mac 2004 dan telah diperkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong ke 12; Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullah.

Pingat ini dikurniakan kepada mana-mana anggota Angkatan Tentera Malaysia; sama ada lelaki atau wanita yang telah berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia mulai 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1999 yang dikenali sebagai Perkhdimatan semasa Darurat Kedua; tempoh yang terlibat di dalam memerangi pengganas komunis malaya secara langsung mulai 1 Januari 1969 sehingga 2 Disember 1989 dan sehingga 17 Oktober 1990 bagi operasi menentang Parti Komunis Kalimantan Utara.
Turut hadir adalah Mej Jen Dato' Mohamad Khir bin Abdullah, Ketua Pengarah JHEV serta pegawai-pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan.

****************************************************************************************************

# THE MALAYSIAN SERVICE MEDAL (PJM) AWARD CEREMONY

Kuala Lumpur, 9 December 2016 – The Deputy Defence Minister, YB Dato' Sri Mohd Johari Baharu officiated the Malaysian Service Medal (PJM) Award Ceremony to 600 MAF veterans in the northern region at TH Hotel, Kepala Batas, Alor Setar, Kedah.

The Malaysian Service Medal (PJM) is a campaign medal that has been established through its status dated 3 March 2004 and has been endorsed by Seri Paduka Baginda the 12th Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullah.

The medal is awarded to any Malaysian Armed Forces personnel, regardless of gender, who were in service in the Malaysian Armed Forces from January 1 1969 to October 17 1999 which was known as Services during the Second Malayan Emergency, which is a period where the war against Malayan communist terrorists took place from January 1 1969 to December 2 1989 and until October 17 1990 for the operation against the North Kalimantan Communist Party.

Also present was Major Gen Dato' Mohammad Khir bin Abdullah, Head Director of JHEV and senior army and civil officers from the Ministry of Defence.

# MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA



KUALA LUMPUR, 9 DISEMBER 2016 - Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari Baharu, telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada 600 orang Veteran ATM kawasan utara bertempat di TH Hotel, Kepala Batas, Alor Setar, Kedah.

Pingat Jasa Malaysia adalah sebuah campaign medal telah dizahirkan melalui statusnya yang bertarikh 3 Mac 2004 dan telah diperkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong ke 12, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullah.

Pingat ini dikurniakan kepada mana-mana anggota Angkatan Tentera Malaysia, sama ada lelaki atau wanita yang telah berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia mulai 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1999 yang dikenali sebagai Perkhidmatan semasa Darurat Kedua. Tempoh yang terlibat di dalam memerangi pengganas komunis malaya secara langsung mulai 1 Januari 1969 sehingga 2 Disember 1989 dan sehingga 17 Oktober 1990 bagi operasi menentang Parti Komunis Kalimantan Utara.

Turut hadir adalah Mej Jen Dato' Mohamad Khir bin Abdullah, Ketua Pengarah JHEV serta pegawai-pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan.

*****************************************************************************************************

# THE MALAYSIAN SERVICE MEDAL (PJM) AWARD CEREMONY

Kedah, 9 December 2016 – The Malaysian Service Medal (PJM) Award Ceremony to 600 MAF veterans was officiated by the Deputy Defence Minister.

YB Dato' Sri Mohd Johari Baharum at TH Hotel, Kepala Batas, Alor Setar, Kedah. The Malaysian Service Medal is a campaign medal that has been established through its status dated 3 March 2004 and has been endorsed by Seri Paduka Baginda the 12th Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullah.

The medal is awarded to any Malaysian Armed Forces personnel, regardless of gender, who were in service in the Malaysian Armed Forces from January 1 1969 to October 17 1999 which was known as Services during the Second Malayan Emergency, which is a period where the war against Malayan communist terrorists took place from January 1 1969 to December 2 1989 and until October 17 1990 for the operation against the North Kalimantan Communist Party.

Also present was Major General Dato' Mohammad Khir bin Abdullah, Head Director of JHEV and senior army and civil officers from the Ministry of Defence.

# WARRIORS CHALLENGE 2016



KUALA LUMPUR, 10 DISEMBER 2016 - Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari Baharu, telah menyempurnakan Perlepasan acara "Warriors Challenge 2016" bertempat di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Sg. Besi Kuala Lumpur.

Program ini merupakan program yang dianjurkan oleh Persatuan Veteran ATM (PVATM). "Warriors Challenge 2016" ini adalah sebahagian daripada promosi Kempen Tabung Hari Pahlawan yang telah dilancarkan baru-baru ini. Ia merupakan perlumbaan larian berhalangan sejauh 8km yang menawarkan pelbagai cabaran untuk semua kategori kecergasan, serta saringan yang kompetitif bagi menguji diri semua peserta. Seramai 500 peserta telah menyertai acara ini.

Turut hadir Timabalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Dato' Mohammad Foad bin Haji Abdullah; pegawai-pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan serta penaja-penaja program.

************************************************************************************************************

# 2016 WARRIORS CHALLENGE

Kuala Lumpur, 10 December 2016 – The Deputy Defence Minister, YB Dato' Sri Mohd Johari Baharu, officiated the 2016 Warriors Challenge at Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Sg. Besi Kuala Lumpur.

The programme is organized by the MAF Veteran Association (JHEV). The 2016 Warriors Challenge is part of the Tabung Hari Pahlawan Campaign that was recently launched. It is an 8km obstacle race that possesses various obstacles for every fitness category, as well as competitive screenings to measure one's abilities. A total of 500 contestants took part in the event.

Also present was Deputy Secretary General (Management), Dato' Mohammad Foad bin Haji Abdullah, senior army and civil officers from the Ministry of Defence.

## LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KE VIETNAM



KUALA LUMPUR, 14 DISEMBER 2016 - Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd Johari Baharum telah mengadakan Lawatan Kerja ke Republik Sosialis Vietnam bermula 14 hingga 16 Disember 2016.

Turut serta ialah pegawai kanan awam Kementerian Pertahanan.

**********************************************************************************************************

## MINISTER’S WORKING VISIT TO VIETNAM

Kuala Lumpur, 14 December 2016 – Deputy Defence Minister, Dato’ Sri Mohd Johari Baharum conducted a working visit to the Socialist Republic of Vietnam from the 14th to 16th December 2016.

Also present were senior Ministry of Defence officers.

# MAJLIS PENGHARGAAN SANJUNG KASIH



KUALA LUMPUR, 14 DISEMBER 2016 - Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi telah menghadiri Majlis Penghargaan Sanjung Kasih kepada Ybhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan bersempena dengan pertukaran keluar Ybhg. Dato' Salim bin Parlan, Mantan Pengarah BKP STRIDE di Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE), Kajang.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Dato' Mohamad Foad bin Haji Abdullah, Ketua Pengarah STRIDE Dr. Mohamad Asri bin Abdul Ghani, Ketua Pengarah JLKN Dato' Mohmed Asri bin Yusof serta warga STRIDE.

****************************************************************************************************

# SANJUNG KASIH APPRECIATION CEREMONY

Kuala Lumpur, 14 December 2016 – Secretary General of the Ministry of Defence, Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi attended the Sanjung Kasih Appreciation Ceremony for Ybhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Secretary General of the Ministry of Defence, and in conjunction with the outgoing of Ybhg. Dato' Salim bin Parlan, former BKP STRIDE Director at the Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE), Kajang.

Also present was Deputy Secretary General (Management), Dato' Mohamad Foad bin Haji Abdullah, Head Director of STRIDE Dr. Mohamad Asri bin Abdul Ghani, Head Director of JLKN, Dato' Mohmed Asri bin Yusof and STRIDE personnel.

# PERBARISAN PENGHARGAAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA KE-18



KUALA LUMPUR, 15 DISEMBER 2016 - Perbarisan Penghargaan Panglima Angkatan Tentera Ke-18, merupakan satu perbarisan yang diadakan sempena persaraan YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Bin Mohd Zin sebagai Panglima Angkatan Tentera ke-18.

Perbarisan Penghargaan kepada beliau adalah merupakan tanda penghormatan serta ketulusan hari warga ATM menyampaikan ucapan penghargaan dan tanda terima kasih kepada Ybhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli bin Mohd Zin selaku Panglima Angkatan Tentera.

YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Bin Mohd Zin telah memeriksa perbarisan diikuti dengan perbarisan berjalan lalu dan mara mengadap. Beliau kemudian menyampaikan ucapan dan diikuti dengan laungan Gempur Wira. Perbarisan mempersembahkan Hormat Penglima diiringi dengan lintas hormat 4 pesawat helikopter ATM sebelum tamatnya Perbarisan Penghargaan PAT ke-18.

Perbarisan ini diketuai oleh Komander Rosli bin Mukri TLDM melibatkan seramai 33 Pegawai dan 538 anggota Lain-lain pangkat serta 15 panji-panji Rejimen. Panji-panji dari Kontinjen Darat ialah panji-panji Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu Diraja, Batalion Keenam Rejimen Renger Diraja, Rejimen Ketiga Kor Armor Diraja, Rejiman Semboyan Diraja, Rejimen Askar Jurutera Diraja 2 Divisyen, Rejimen Pertama Artileri Diraja Para, dan 72 Batalion Kor Perkhidmatan Diraja. Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia, panji-panji adalah dari KD Malaya, KD Rajawali, KD Panglima Hitam dan Kd Duyung manakala bagi Tentera Udara Diraja Malaysia, panji-panji dari No 2 Skuadron, No 10 Skuadron, No 16 Skuadron dan No 18 Skuadron.

****************************************************************************************************

## APPRECIATION PARADE FOR THE 18TH CHIEF OF DEFENCE FORCE

Kuala Lumpur, 15 December 2016 – The Appreciation Parade for the 18th Chief of Defence Force is a parade that is done in conjunction with the retirement of Ybhg General Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli bin Mohd Zin as the 18th Chief of Defence Force.

The Appreciation Parade is a gesture of appreciation and sincerity on behalf of the MAF personnel to Ybhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) HajiZulkifeli bin Mohd Zin as the Chief of Defence Forces. Ybhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli bin Mohd Zin inspected the parade followed by a parade marching order and trooping the colour. He then delivered a speech and complemented it with the Gempur Wira chant. The parade showcased the Hormat Panglima, followed by a 4-helicopter flypast from the MAF before the end of the 18th Chief of Defence Force's Appreciation Parade.

The parade was led by Commander Rosli bin Mukri RMN which consists of 33 officers and 538 Enlisted Officers and 15 Regimental colours. The colours from the Army Contingent were the 2nd Battalion Royal Malay Regiment, 6th Battalion Royal Ranger Regiment, 3rd Royal Armoured Corps Regiment, Royal Signals Regiment, 2nd Division Royal Army Engineers Regiment, 1st Royal Artillery Regiment and 72 Battalion Royal Service Corps. For the Royal Malaysian Navy, the pennants were from KD MALAYA, KD RAJAWALI, KD PANGLIMA HITAM AND KD DUYUNG, while the pennants from the Royal Malaysian Air Force were the No 2 Squadron, No 2 Squadron, No 16 Squadron and No 18 Squadron.

# PERBARISAN TAHUNAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH PUTERA



SG. BESI, 17 DIS 2016 - Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein menyempurnakan Upacara Perbarisan Tahunan dan Majlis Penyampaian Hadiah MTD tahun 2016.

Turut serta ialah pegawai tinggi tentera dan pegawai kanan awam Kementerian Pertahanan Malaysia.

**************************************************************************************************************

# ANNUAL PARADE AND PUTERA PRIZE GIVING CEREMONY

Sg. Besi, 17 December 2016 – Malaysian Defence Minister, Dato' Seri Hishammuddin officiated the Annual Parade and the 2016 MTD Prize Giving Ceremony.

Also present were top army officers and senior civil officers from the Ministry of Defence.

# LAWATAN KSN KE PUSAT PEMULIHAN PEMASYARAKATAN KEM MAHKOTA







KLUANG, 18 DISEMBER 2016 - Lawatan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa telah mengadakan lawatan ke Markas 7 Briged, Kem Mahkota Kluang, Johor dan Pusat Pemulihan Pemasyarakatan (PPP) Kem Mahkota atau Community Rehabilitation Program (CRP).

Lawatan KSN ini adalah bertujuan untuk melihat sendiri Pusat Pemulihan Kemasyarakatan (PPP) Kem Mahkota yang merupakan salah satu projek kerajaan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy - NBOS 4) dan Government Transformation Programme (GTP).

Program Pemulihan Pemasyarakatan merupakan usaha Kerajaan di bawah pimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia untuk membimbing individu yang sedang menjalani hukuman penjara kembali ke pangkuan keluarga sebagai insan yang benar-benar berguna kepada masyarakat dan negara. Pelancaran Program Pemulihan Pemasyarakatan dan Perasmian Pusat Pemulihan Pemasyarakatan Kem Mahkota Kluang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 26 Mac 2011.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Abd. Rahim bin Mohd Radzi; Timbalan Ketua Setiausaha Keselamatan KDN, YBhg Dato' Sri Mustaffa bin Hj. Ibrahim; Panglima Medan Barat Tentera Darat MK Pemerintahan Medan Barat, YBhg

Leftenan Jeneral Datuk Azizan bin Md Delin wakil rasmi Panglima Angkatan Tentera; Ketua Pengarah Penjara Malaysia, YBhg Komisioner Jeneral Penjara Dato' Sri Haji Zulkifli Omar; Pengarah Intan, YBhg Dato' Sri Dr. Mazlan bin Yusof serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan ATM.

****************************************************************************************************

## CHIEF SECRETARY’S VISIT TO CAMP MAHKOTA COMMUNITY REHABILITATION PROGRAMME

Kluang, 18 December 2016 – Chief Secretary to the government, Ybhg Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa held a visit to the 7th Brigade Headquarters (HQ), Mahkota Camp, Kluang Johor and the Camp Mahkota Community Rehabilitation Programme (CRP). The Chief Secretary’s visit is to personally witness the CRP Camp himself, which is a government project under the National Blue Ocean Strategy (NBOS) and Government Transformation Programme (GTP).

The Community Rehabilitation Programme is an effort from the government under the leadership of YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Malaysia’s Prime Minister, to provide guidance to individuals who are serving their prison sentence to return to their respective families as an individual who is ready to contribute to the society. The launching of the Community Rehabilitation Programme and Camp Mahkota Community Rehabilitation Programme was officiated by YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Malaysia’s Prime Minister on 26th March 2011.

Also present was Secretary General of the Ministry of Defence, Ybhg Dato’ Sri Abd. Rahim bin Mohd Radzi, Deputy Secretary General of the Ministry of Home Affairs, Ybhg Dato’ Sri Mustaffa bin Hj. Ibrahim, Chief of Western Fleet Army Operation Headquarters (HQ), Ybhg Lieutenant General Datuk Azizan bin Md Delin, official representative for the Chief of Defence Force, Head Director of Prison Malaysia, Ybhg. Commissioner General of Prison Malaysia Dato’ Sri Haji Zulkifli Omar, Intan Director, Ybhg Dato’ Sri Dr. Mazlan bin Yusof and senior officers from the Ministry of Defence and MAF.

## MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN MIDAS



KUALA LUMPUR, 22 DISEMBER 2016 - Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah menyempurnakan Majlis Perasmian Bangunan Malaysian Institute Of Defence And Security (MiDAS) bertempat di Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari Baharum; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi; Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor; Ahli-ahli Lembaga Gabenor MiDAS serta pegawai-pegawai kanan tentera dan awam Kementerian Pertahanan.

*******************************************************************************************************

## MIDAS BUILDING LAUNCH

Kuala Lumpur, 22 December 2016 – YB Dato' Seri Hishamuddin Tun Hussein officiated the Launching of Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS) building.

(MiDAS) is located at Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur. Also present was Deputy Defence Minister, YB Dato' Sri Mohd Johari Baharum, Secretary General of the Ministry of Defence, Ybhg Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Chief of Defence Force, YM Gen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, MiDas governing members as well as senior army and civil officers from the Ministry of Defence.

# MENTERI PERTAHANAN MELAWAT MANGSA NAHAS PESAWAT



KUALA LUMPUR, 22 DIS 2016 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein melawat Lt Hamdi bin Ahmad Hanafi TUDM, salah seorang anak kapal yang terlibat dalam nahas pesawat Beechcraft TUDM, di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur.

Turut mengiringi beliau adalah Ketua Setiausaha, YBhg Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi; Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor; Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM serta pegawai-pegawai kanan ATM dan awam Kementerian Pertahanan.

****************************************************************************************************

# DEFENCE MINISTER VISITS PLANE CRASH VICTIMS

Kuala Lumpur, 22 December 2016 – Defence Minister, YB Dato' Seri Hishammudin Tun Hussein visited Lt. Hamdi bin Ahmad Hanafi RMAF, one of the crew members who was involved in the Beechcraft RMAF plane crash at Tuanku Mizan Military Hospital, Kuala Lumpur.

Also accompanying him was Secretary General, Ybhg Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Chief of Defence Force, YM Gen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Chief of Air Force, Ybhg Gen Dato' Sri Hj Affendi Buang RMAF as well as senior MAF and civil officers from the Ministry of Defence.

# PRA RETREAT HALA TUJU MINDEF 2017




KUALA LUMPUR, 22 DISEMBER 2016 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein telah mempengerusikan Pra Retreat Hala Tuju MinDef 2016 di Wisma Perwira, Kuala Lumpur.

Turut serta adalah Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari Baharum, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato’ Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg Dato' Mohammad Foad Haji Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg Dato' Hjh Junaidah Kamarruddin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), YBhg Dato' Zaiton Johari, Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat, YBhg Jen Dato’ Sri Zulkiple Hj. Kassim, Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin, Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai tentera dan awam Kementerian Pertahanan.

Pra Retreat ini bertujuan untuk menilai pencapaian Hala Tuju MinDef yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 dan mengenalpasti aspek yang akan difokuskan untuk Hala Tuju MinDef pada 2017.

*******************************************************************************************************

# PRA RETREAT HALA TUJU MINDEF 2017

Kuala Lumpur, 22 December 2016 – Defence Minister, YB Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein officiated the Pra Retreat Hala Tuju MinDef at Wisma Perwira, Kuala Lumpur.

Also present was the Deputy Defence Minister, YB Dato' Sri Mohd Johari Baharum, Secretary General of the Ministry of Defence, Ybhg Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Deputy Secretary General (Management), Ybhg Dato' Mohammad Foad Haji Abdullah, Deputy Secretary General (Policy), Ybhg Dato' Hjh Junaidah Kamarruddin, Deputy Secretary General (Development), Ybhg Dato' Zaiton Johari, Chief of Defence Force, YM Gen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Chief of Army, Ybhg Gen Dato' Sri Zulkiple Hj. Kassim, Chief of Navy, Ybhg Gen Admiral Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Hj Ahmad Badaruddin, Chief of Air Force, Ybhg Gen Dato' Sri Hj Affendi Buang RMAF, senior officers and officers from the army and civil officers from the Ministry of Defence.

The Pra Retreat is aimed to assess the progress of the Hala Tuju MiDef that has been implemented throughout 2016, and identifying the aspects which will be focused for Hala Tuju MinDef 2017.

# PERASMIAN PUSAT KHIDMAT PELANGGAN MASJID KHALID AL-WALID




KUALA LUMPUR, 30 DIS 2016 - Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd Johari Baharum merasmikan Pusat Khidmat Pelanggan Masjid Khalid Al-Walid dan merasmikan Karnival Sambutan Maulidur Rasul peringkat Kementerian Pertahanan tahun 1438H/2016M.

Turut menyaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato’ Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi; Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor; Panglima Tentera Darat, YBhg Jen Dato’ Sri Zulkiple bin Hj. Kassim; Panglima-panglima perkhidmatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai tentera dan awam Kementerian Pertahanan.

*************************************************************************************************************

# THE LAUNCHING OF KHALID AL-WALID MOSQUE CUSTOMER SERVICE CENTRE

Kuala Lumpur, 30 December 2016 – The Deputy Defence Minister, YB Dato’ Sri Mohd Johari Baharum launched the Khalid Al-Walid Mosque Customer Service Centre, and officiated the Maulidur Rasul Carnival 1438H/2016M.

Also witnessing the launch was Secretary General of the Ministry of Defence, Ybhg Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Chief of Defence Force, YM Gen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor, Chief of Army, Ybhg Gen Dato' Sri Zulkiple bin Hj. Kassim, Service Chiefs, senior officers, officers from the army and civil officers from the Ministry of Defence.